

22 SEP 2003

JAMALUDIN-PELABUR/I

PELABUR INSTITUSI SAMBUT BAIK BAJET 2004

Oleh: Mohd Arshi Daud

DUBAI (UAB), 22 Sept (Bernama) -- Masyarakat pelaburan antarabangsa menyambut baik Bajet 2004, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, hari ini.

"Ini menunjukkan keyakinan yang meningkat kepada ekonomi kita dan kepimpinan negara di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pihak media selepas menemui pelabur-pelabur di luar mesyuarat tahunan Bank Dunia/Tabung Kewangan Antarabangsa di sini.

Menurutnya, pelabur-pelabur itu juga mengakui bahawa hasil daripada itu tebaran bon Malaysia telahpun menepu.

Dr Jamaludin menemui pegawai-pegawai dari 11 syarikat pelaburan terdiri daripada Bank of Tokyo Mitsubishi, Barclays, BNP Paribas, Citigroup, Credit Suisse First Boston, HSBC, Morgan Stanley, Standard Chartered, Merrill Lynch, Dresdner Kleinwort Wassertein dan UBS AG semalam dan hari ini.

Di bawah Bajet 2004, antara lain, kerajaan telah berikrar untuk berjimat bagi mencapai belanjawan seimbang menjelang 2006 berikutan beberapa tahun mengalami bajet defisit sejak 1998.

Tebaran bon yang lebih tepu bererti kos lebih murah untuk meminjam sekiranya kerajaan mengambil keputusan untuk meminjam dana daripada sumber-sumber luar negara.

Pegawai-pegawai yang mempunyai kefahaman mendalam mengenai pasaran kewangan dunia itu bertanya kepada beliau mengenai masa bagi penerbitan kedua bon kedaulatan Islam atau sukuk kerajaan.

"Ada yang bertanya tentang ini tetapi saya telah nyatakan bahawa buat masa ini itu tidak perlu dan kita nak gunakan sumber dalaman dahulu.

"Tetapi bagi tujuan tanda aras atau menggulung matang (pinjaman sedia ada) kita akan timbang pada masa akan datang," katanya.

Pada 2002, kerajaan Malaysia telah menerbitkan sukuk bernilai AS\$600 juta yang menerima lebihan langganan sebanyak dua kali daripada pelabur-pelabur antarabangsa. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah berkata kerajaan tidak akan melancarkan bon kedaulatan Islam tahun ini.

Kerajaan dilaporkan berminat untuk menerbitkan bon Islam dalam nilai matawang euro berjumlah dari EUR550 juta hingga EUR600 juta.

Dr Jamaludin yang mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat Bank Dunia/IMF di sini berkata, beliau akan mencadangkan kepada Jemaah Menteri bahawa Malaysia menawarkan diri menjadi tuan rumah mesyuarat Bank Dunia/IMF dalam tahun 2012.

"Kita mempunyai cukup kelengkapan, pengalaman dan keupayaan menganjurkan mesyuarat antarabangsa seperti NAM (Pergerakan Negara-Negara Berkecuali) dan OIC (Pertubuhan Persidangan Islam).

"Kita menawarkan diri mesyuarat seterusnya dalam 2012. Rasionalnya supaya Malaysia akan terletak dalam peta dunia kerana kita nak Malaysia menjadi pusat perkhidmatan kewangan Islam," katanya.

Merujuk kepada keputusan sebulat suara oleh menteri-menteri kewangan yang menghadiri mesyuarat Bank Dunia/IMF di sini untuk menyokong usaha multilateral untuk membina semula dan memajukan Iraq, katanya ini sepatutnya dilakukan di bawah Matlamat Pembangunan Alaf (MDG).

MDG membabitkan satu agenda yang berharapan tinggi untuk mengurangkan kemiskinan dan memperbaiki kehidupan rakyat yang dipersetujui para pemimpin dunia pada Sidang Kemuncak Alaf dalam bulan September, 2000.

Ia mensasarkan untuk mengurangkan insiden kemiskinan kepada separuh dan

untuk memperbaiki pembangunan manusia menjelang 2015. -- BERNAMA
MAD SM AHM